



Warta HIKMAH

• Untuk Ahli Sahaja • Bil. 1-3/2011

Januari - Mac 2011M / Safar, Rabi'ul Awal & Rabi'ul Akhir 1432H



Ketua Jabatan Agama Islam Peka Kehendak Bellia

...cara pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan dengan Institusi Agama Islam hari ini harus disesuaikan dengan kehendak generasi muda kerana mereka hidup dalam zaman berbeza, berilmu pengetahuan dan minda orang muda sentiasa mengikuti perkembangan komunikasi yang terbuka - Ketua Menteri Sarawak >3

- ~ ISLAM FORMULA PENYELAMAT UMMAH >4
- ~ SAMBUTAN MAULIDUR RASUL >5
- ~ MENIMBA ILMU SATU JIHAD >5
- ~ DOA NABI ADAM AS & HAWA >10
- ~ FORUM 1 MALAYSIA 1 UMMAH >12

KANDUNGAN

PENGARANG	2
SEMASA	3
TAZKIRAH	4
INFORMASI	5
BERITA BERGAMBAR	6 - 7
REMAJA	8
BERITA RINGKAS	9
TAFSIR	10
INFORMASI	11

SIDANG REDAKSI

Penaung

TAN SRI DATUK AMAR HJ ABDUL AZIZ
DATO HJ HUSAIN
Yang DiPertua

Penasihat

DATU MISNU HAJI TAHA
Setiausaha Agung Kehormat, HIKMAH

Ketua Pengarang

USTAZ HAJI MOHD. SALLEH HJ. HAMDIN

Sidang Pengarang

HAJI ABDUL RAHMAN AHMAT
SARBINI DAHLAN
BAHRUDDIN MANSUR

Wartawan & Jurugambar

HAJI SABRI ABANG

Jurutaiip

DYG. HASIAH AWANG SALLEH

Ibu Pejabat HIKMAH,
Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia.
• Tel: 082-443993, 443998 • Faks: 082-441150

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Warta HIKMAH kali ini menyentuh sedikit tentang seruan terhadap ‘transformasi’ khasnya yang berkaitan dengan fungsi dan peranan masjid atau surau di negeri ini. Kita masih ingat didalam sejarah Islam bahawa sesampainya Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya ke Kota Madinah, dalam hijrahnya dari Kot a Mekkah, yang pertama kali dilakukan olehnya adalah membangunkan masjid. Fungsi dan peranannya amat tinggi dan luas, bukan semata-mata untuk mendirikan solat berjemaah lima waktu sehari semalam, tetapi juga digunakan untuk berbagai aktiviti kehidupan bermasyarakat dan bernegara, untuk memperkuuhkan lagi tali hubungan dengan Allah dan tali hubungan sesama makhluknya (manusia). Ia dijadikan pusat pembangunan ummah dengan menjanakkannya sebagai apa yang diistilahkan orang sekarang sebagai ‘one stop centre’. Natijahnya dirasai oleh ummah pada saat itu betapa kukuhnya jalinan kekuatan mereka dibawah sentuhan kepimpinan Rasulullah S.A.W baik ketaqwaannya kepada Allah dan RasulNya mahupun disiplin dan tanggungjawab dalam mengharungi kehidupan di dunia ini, sehingga mereka digeruni oleh lawan dan dihormati oleh sesama kawan.

Keadaan zaman semakin berubah dan segala-galanya ikut berubah termasuk ummah ini ada yang terikut-ikut arus perubahan tersebut, bahkan tanpa disedari oleh sebahagian mereka bahawa ada diantaranya yang telah berubah dan merebahkan jatidiri atau sahsiahnya, termasuk generasi mudanya yang diharap-harapkan menjadi pelapis kepimpinan masa depan.

Sebabnya adalah kerana sebahagian mereka masih mendepani musuh utamanya yakni ‘kejahilan’ terhadap kefahaman ajaran Islam sehingga membawa impak kepada kejumidan, kebkuhan dan sebagainya. Dan oleh demikian itu, bukan mudah mencari penawarnya tanpa disertai oleh azam yang tinggi dan keberanian yang kental bagi melakukan bina-upaya merealisasikan transformasi secara bijak dan berhemah berlandaskan komitmen diri kepada iman, ilmu, amal, dakwah kebenaran dan semangat kesabaran ke arah mewujudkan cita-cita murni demi meninggikan kalimah Allah yang lebih tinggi dari segala-galanya.

Tanpa itu semua maka tidak hairanlah scandainya keadaan pemikiran sebahagian ummah ini masih tetap berada di takuk lama yakni lambat menerima perubahan atau tiada menerima perubahan ke arah yang lebih baik, sehingga apa yang selalu dilaung-laungkan oleh pemimpinnya yang berkaitan dengan transformasi itu seakan-akan hanya tinggal retorik saja, khasnya yang berkaitan dengan transformasi bagi mengembalikan fungsi dan peranan masjid / surau yang kita harap-harapkan, sepertimana yang pernah dicontohkan oleh junjungan kita Muhammad S.A.W. Wallahu A'lam.

Allah S.W.T. berfirman yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”. (QS ar-Ra'ad ayat 11)

Wassalam.

“Ibadaku, Hidup Dan Matiku Kerana Allah”.

Bahagian Penerbitan HIKMAH mengalu-alukan sumbangan bahan dari pembaca yang berbentuk artikel, berita, gambar dan sebagainya untuk dimuatkan di dalam Warta HIKMAH. Setiap bahagian dan cawangan HIKMAH diminta agar dapat menghantar laporan tentang aktiviti-aktiviti dan program yang telah dijalankan di tempat masing-masing. Ahli-ahli HIKMAH yang berminat untuk menghantar sumbangan juga digalakkan. Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan atas tulisan yang dikirimkan selagi tidak merubah isinya. Segala sumbangan karya tidak semestinya mencerminkan pendirian dan sikap HIKMAH. Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiaran ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan karya yang dikirim melalui pos. Sebarang usaha untuk menerbitkan semula rencana atau mana-mana bahagian dari buletin ini hendaklah mendapat kebenaran dari Sidang Pengarang terlebih dahulu. Setiap sumbangan boleh dihantar terus kepada Bahagian Penerbitan HIKMAH.

Persidangan Ketua Jabatan Agama Islam

KUCHING:- Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud telah merasmikan Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia kali Ke-85 di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching baru-baru ini.

Berucap dalam majlis tersebut Pehin Sri berkata, Jabatan Agama Islam menyedari kehendak belia-belia hari ini dengan menempatkan pegawai yang lebih membantu dalam soal pentadbiran dan pengurusan.

Menurutnya cara pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan dengan institusi agama Islam hari ini harus disesuaikan dengan kehendak generasi muda, kerana mereka hidup dalam zaman berbeza, berilmu pengetahuan dan minda orang muda sentiasa mengikuti perkembangan komunikasi yang terbuka.

Menurut beliau, kegiatan dakwah yang dilakukan secara berterusan boleh membantu berkenaan dengan kandungan kitab suci Al-Quran.

Al-Quran bukan saja dibaca, ia mesti difahami dengan mendalam mengenai isi kandungannya, kerana ia banyak mengajar kita ke arah kehidupan yang lebih baik.

Dengan pembukaan pusat-pusat keagamaan seperti Pusat Tahfiz Al-Quran boleh membantu untuk melahirkan generasi muda yang tahu hafiz Al-Quran dan hidup berdasarkan nilai-nilai agama. Selain fungsi masjid dan surau Pusat Tahfiz Al-Quran turut membantu syiar Islam terus subur dan terus berkembang.

Persidangan yang diadakan selama tiga hari bermula 22 – 24 Mac 2011 antaranya untuk mengerakkan kerjasama di antara Jabatan Agama Islam dalam urusan pentadbiran dan kegiatan yang berunsur agama Islam seluruh Malaysia.

Lebih Banyak Perkampungan Islam Diwujud

Lebih banyak perkampungan baru Islam dibangunkan bagi memudahkan proses penyampaian dakwah dan bagi memudahkan saudara baru lebih menghayati nilai sebenar Islam.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam), Datuk Haji Daud Abdul Rahman berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Seminar Pengukuhan Jatidiri Saudara Kita Peringkat Negeri Sarawak yang telah diadakan di Dewan HIKMAH, Petra Jaya pada 26 Mac 2011 yang lalu.

Menurutnya pembinaan perkampungan saudara kita bukan untuk mengasingkan dengan masyarakat yang sedia ada tetapi usaha ini dilihat perlu bagi menggerakkan aktiviti berunsur perancang dan ketahanan atas Islam yang sebenarnya kepada mereka.

Beliau berkata, pada masa ini ada antara saudara kita tinggal berselerak jadi agak sukar untuk melaksanakan program-keagamaan di kalangan mereka.

Kita merasakan lebih mudah berdakwah apabila saudara kita ditempatkan dalam satu suasana begitu agar ikatan kekeluargaan antara mereka kukuh dan dalam suasana masyarakat Islam yang lebih kondusif.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Putit Matzen, Dato' Haji Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abd. Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Malaysia (JAKIM), Datu Haji Misnu bin Haji Taha Setiausaha Agung Kehormat HIKMAH.

Seramai 300 orang saudara kita dari seluruh negeri telah menghadiri seminar tersebut.

Menurutnya purata kadar pendaftaran pengislaman setiap tahun di Sarawak sebanyak 1,500 orang. Sebanyak lebih 40,000 telah memeluk Islam dari berbilang kaum di negeri ini.

Beliau berharap masyarakat perlu membantu mereka dari segi memberi tunjuk ajar, menerangkan tentang Islam yang sebenarnya memandangkan mereka adalah golongan yang baru memeluk Islam dan banyak perkara yang perlu dipelajari.



ISLAM FORMULA PENYELAMAT UMMAH



Dibawah sistem perundangan sekular Barat dunia merasa semakin tidak selamat. Bagaimana dunia tidak merasa cemas kalau para pengguna perundangan di Barat sendiri sudah merasa pesimis terhadap kemampuan sistem perundangan mereka dalam mengawal keamanan dan ketertiban masyarakat.

Barangkali kita semua masih ingat beberapa tahun dahulu, Ketua Hakim Negara Amerika Syarikat, Warren Burger, secara terbuka telah melahirkan rasa cemasnya berada dalam keadaan yang disebutnya sebagai ‘hidup bergantung kepada belas kasihan pengganas dan penjenayah ‘(the reign of terror’).

Sudah waktunya dunia menerima perundangan Islam sebagai satu-satunya harapan untuk memulihkan kedamaian dan ketertiban masyarakat manusia.

Kita tidak menuntut perkara yang tidak-tidak. Dengan tuntutan Islamisasi (peng-Islam-an) perundangan sebenarnya. Kita tidak menuntut lebih dari apa yang memang menjadi hak kita yang sah sebagai rakyat beragama, hak yang telah dinafikan sejak lama, hak untuk mengamalkan ajaran agama kita sepenuhnya ‘the right to profess and practice our religion’, hak yang secara ekplisit dijamin oleh perlombagaan. Mengamalkan agama (Islam) dalam pengertian pelaksanaan undang-undang Islam harus dilihat sebagai konsekwensi lojik dari apa yang tercatat dalam perlombagaan.

Seorang penentang Islamisasi (peng-Islam-an) pernah mensifatkan proses ini konon merupakan suatu usaha halus untuk menerapkan suasana dan persekitaran yang asing dalam kehidupan orang-orang bukan Islam di Negara ini.

Sebenarnya bukan mereka yang diperlakukan sedemikian rupa. Tetapi kitalah orang-orang Islam yang telah diperlakukan seperti itu. Selama ini umat Islam telah hidup di atas landasan syariat dan hukum hakamnya, tetapi proses sekularisasi tajaan penjajah secara beransur-ansur telah merubah kehidupan yang Islamik kepada kehidupan sekularisasi yang serba asing.

Benarlah seperti apa yang disebut oleh seorang sarjana Undang-Undang Islam, bahawa di zaman kolonial British tidak ada suatu umat beragama menderita di bidang pelaksanaan hukum agamanya kecuali umat Islam yang mengalami hambatan-hambatan bagi kepentingan penjajah dan kepentingan perkembangan agama yang disayangi dan disokongnya.

Oleh itu bagi kita Islamisasi (peng-Islam-an) adalah normalisasi kembali kepada kehidupan Islamiah yang selesa dan serasi dengan kita sebagai kaum muslimin.

Perundangan Islam bukan cuma mengandungi hukuman, tetapi sekaligus educative dan mendidik. Undang-Undang Islam adalah undang-undang yang berpadu dengan moral, tidak seperti undang-undang sekular yang seringkal gagal memenuhi kehendak moral sehingga terdapat perbuatan-perbuatan tertentu yang dianggap ‘legally right but morally wrong’.

Pelaksanaan Undang-Undang Islam yang sedemikian rupa akan dapat membantu proses Islamisasi yang lebih substancial dan lebih mendasar iaitu proses human-transformation yakni pembinaan peribadi ummah penyahut dan pelanjut cita-cita Islamisasi.

Pembinaan peribadi dan peningkatan kualiti ummah sebagai teras Islamisasi haruslah diutamakan. Adalah suatu yang amat memalukan dan memilukan, di tengah-tengah ghairah Islamisasi sekarang ini negara kita masih kerap bahkan semakin kerap digegar oleh pelbagai skandal dan jenayah berat : pecah amanah, rasuah, penyalahgunaan kuasa, penipuan, penyelewengan dan sebagainya yang dilakukan oleh orang-orang yang berkedudukan.

Dengan berlanjutnya sara hidup yang tinggi adalah amat dikhawatirkan Negara kita akan terus dilanda wabah white collar crimes yang lebih dahsyat. Sesungguhnya kita sudah tidak dapat lagi menyembunyikan wabah kerosakan moral yang kian menjadi - jadi. Selain dari skandal-skandal orang berkedudukan tadi, generasi muda kita sedang dilanda wabak atau arus penagihan dadah, budaya liar dan kemerosotan moral. Kita benar-benar memerlukan formula penyelamat, dan formula itu tidak lain dari Islam, formula Ilahi yang telah terbukti berhasil menyelamat umat rosak (Jahiliah) Arab yang kemudiannya dirobah manjadi ‘khayra ummah’ (sebaik-baik ummah). Hanya gerakan Islamisasi yang serius yang dapat membawa kesan yang sama seperti Islamisasi di Dunia Melayu Nusantara pada abad-abad silam, islamisasi yang mampu sekali lagi mencetuskan ‘revolution from within’ di kalangan ummah.

Allah S.W.T. berfirman yang mafhumnya :

“Wahai orang-orang yang beriman! Sahutlah seruan Allah dan seruan Rasul apabila Rasul menyeru kamu kepada suatu yang memberi kehidupan kepada kamu”
(QS al-Anfal 24).

Seorang ulama menyatakan :

“Tegakkan agama (Islam pada dirimu masing-masing, Insya Allah pasti akan tegak di Negaramu”.

Wallahu A’lam.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SARAWAK 1432H/2011M

Menimba Ilmu Satu Jihad

KUCHING:- Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata, ilmu pengetahuan harus dipertingkatkan dari masa ke semasa secara berterusan kerana menimba ilmu pengetahuan adalah satu 'jihad' yang perlu dilakukan berterusan.

Menurutnya hanya ilmu pengetahuan sajalah yang dapat memartabatkan satu bangsa itu ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Ketua Menteri berkata demikian ketika berucap di perhimpunan dan perarakan Maulidur Rasul peringkat negeri Sarawak 1432H yang bertemakan 'Satu Malaysia Satu Ummah' di Dewan Suara, Kota Samarahan pada 15hb. Februari lepas.

Beliau berkata dengan perkembangan teknologi hari ini memudahkan lagi proses perkembangan ilmu pengetahuan itu.

Kepentingan ilmu pengetahuan tegasnya telah ditekankan kepada umat Islam sejak dahulu lagi, ketika zaman Nabi Muhammad s.a.w. di mana baginda telah menggalakkan umatnya mengejar ilmu pengetahuan hingga ke negeri China, tegasnya.

Baginda Nabi menyedari hanya dengan ilmu dapat memandu manusia ke jalan yang diredhai Allah S.W.T.



Lawatan Kerja Setiausaha Agung Kehormat Ke Miri & Sri Aman

MIRI: Lawatan kerja Datu Haji Misnu bin Haji Taha (SUAK) ke Miri pada 5hb. Februari 2011 lalu diiringi oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Alwi bin Haji Morshidi.

Ketibaan mereka disambut oleh Pengurus HIKMAH Bahagian Miri Merangkap Naib Yang DiPertua HIKMAH Temenggong Haji Abdul Rahman Fadzail. Lawatan kerja tersebut bertujuan untuk beramah mesra dan berdialog dengan ahli-ahli jawatankuasa Bahagian dan Cawangan Miri/Lutong turut hadir ialah pemimpin-pemimpin masyarakat di kawasan Miri, serta ahli-ahli HIKMAH kawasan Miri.

Semasa melawat Tadika HIKMAH, Miri, beliau turut menghadiri majlis dialog. Dalam ucapannya, beliau telah menyentuh perlunya perpaduan dan kerjasama HIKMAH dengan agensi Islam baik dari segi kerajaan negeri, pusat dan NGO yang lain dalam melancarkan program Dakwah Pedalaman dan beliau di Miri.

Sementara itu, dalam lawatan kerjanya ke Sri Aman, Datu Misnu telah menghadiri majlis perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa HIKMAH Bahagian Sri Aman, Betong, Saratok dan wakil cawangan Maludam dan Lingga turut menghadiri majlis tersebut.

JANGAN TINGGAL UCAPAN SEMATA-MATA

KUCHING:- "Jangan hanya tinggal ucapan semata-mata" begitulah tajuk Forum Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1432H di Dewan HIKMAH pada 25 Februari lepas.

Forum anjuran Bahagian Kemasyarakatan HIKMAH telah dihadiri lebih 180 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan, Ngo Islam serta kakitangan swasta dan orang perseorangan.

Ahli panel Forum yang terdiri dari Ustaz Sarbini Dahlan, Ustaz Tamri Atrim dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Rahman Ahmat, Pengasas Dakwah HIKMAH.

Menurut kedua-dua ahli panel, Rasulullah s.a.w. adalah pemimpin ummah, lahirnya baginda membawa rahmat kepada seluruh manusia. Sepanjang hayat baginda Rasulullah s.a.w. sentiasa mengerat kasih sesama manusia tanpa mengira bangsa dan agama yang dianuti mereka.

Baginda menyeru umat Islam supaya bersatu padu dan berpegang teguh kepada tali Allah.



TANGAN YANG LEMBUT PENENTU HALUAN



KUCHING: Ceramah pembangunan ummah bertajuk "Tangan Yang Lembut Penentu Haluan" yang disampaikan oleh Dr. Robiah Kulop Hamzah dari Kuala Lumpur pada 31hb. Mac 2011 bertempat di Dewan HIKMAH, Petra Jaya.

Seramai lebih 300 orang kakitangan agensi kerajaan dan orang-orang perseorangan menghadiri ceramah tersebut.

Menurut Dr. Robiah, tangan yang menghayun itu menentukan kejayaan seseorang baik suami, isteri dan anak-anak. Apa juga yang kita lakukan dengan izin Allah, maka jangan lupa Allah yang menentukan sesuatu kejayaan kita.

Menurutnya siapa kita kalau tidak sebagai hamba Allah, hanya Allah yang menentukan hala tuju kehidupan kita, maka kita harus bersyukur dan berdoa bagi menentukan perjalanan kita di samping berikhtiar, tegasnya.

FORUM PENGUKUHAN JATI DIRI SAUDARA KITA



Kuching:- Lebih 300 orang Saudara Kita telah menghadiri "Forum Pengukuhan Jati Diri Saudara Kita" di Dewan HIKMAH, Petra Jaya, Pada 26 Mac 2011 baru-baru ini.

Ahli panel terdiri daripada Tuan Haji Nurhazai Reduan Abdullah dari JAIS, Ustaz Haji Bahruddin Mansur dari HIKMAH, Ustaz Haji Wahab Ling dan Salahuddin dari IIC (Pusat Maklumat Islam). Forum dipengerusikan oleh Ustaz Haji Khalidi Haji Ibrahim dari JAIS.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERKAMPUNGAN SAUDARA KITA



Sempena sambutan Maulidur Rasul 1432H berbagai aktiviti telah dianjurkan oleh Bahagian Dakwah Pedalaman yang diketuai oleh Pegawai Dakwah Pedalaman, Ustaz Idri Ahmad antaranya Forum, pertandingan mewarna tahap satu, ujian hafazan dan bercerita tahap dua, Nasyid , Tazkirah dan ceramah dan aktiviti gotong royong membersih masjid.

Pada tahun ini kampung-kampung yang terpilih antaranya Masjid dan surau Kampung Darul Iman, Tebedu, Insan Jaya, Bengan, Al-Falah, Pelawan Rajawali, Bau, Al-Muhajirin, Kohom dan Nur Akmal, Belimbing, Bau dan ditempat-tempat yang lain di kawasan pedalaman.

LAWATAN SILATURAHIM AJK PERWANIS

Majlis Ta'lim Wanita Al-HIKMAH Kampung Belimbing, Bau yang mengadakan aktiviti bulanan di Surau Darul Akmal, Bau, telah dikunjungi oleh Ahli Jawatan Kuasa PERWANIS yang di ketuai oleh Penasihatnya nya, Datin Saleha Ahmad.

Pada majlis silaturrahim itu ahli persatuan PERWANIS dan Majlis Ta'lim Wanita Al-HIKMAH telah beramah mesra dan bertukar-tukar pandangan mengenai aktiviti Wanita di pedalaman yang dihadiri lebih 45 orang ahli-ahli majlis Ta'lim. Pada majlis itu Datin Saleh Ahmad menyampaikan 8 buah kotak berisi pakaian terpakai kepada Pengurus Majlis Ta'lim wanita.



KEMBARA DAKWAH MUSLEH

Seramai 42 pelajar lepasan SPM dan 5 orang guru pengiring menyertai program Kembara Dakwah MUSLEH bermula pada 15 hingga 21 Mac 2011 baru-baru ini. Rombongan telah ditempatkan dengan keluarga angkat mereka di Kampung Kendaie, Kampung Jangkar dan Serayan dalam daerah Lundu. Berbagai aktiviti telah diadakan sempena dengan program tersebut antara lain gotong royong, ziarah, Tazkirah dan sukaneka bersama penduduk di kawasan itu.

Majlis penangguhan pada 20 Mac 2011. Program Kembara Dakwah MUSLEH telah diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Serayan Ulu, Daerah Lundu.

Turut hadir tetamu kehormat YB Encik Ranum Ak Mina Ahli Dewan Undangan N 1 Oper serta lebih 60 orang tetamu antaranya keluarga angkat dari Kampung Jangkar, Kampung Serayan dan Kampung Kandaie, di satu majlis perpisahan tersebut. Sebelum bertolak balik Rombongan turut mengadakan kunjungan kehormat ke Ibu Pejabat HIKMAH Petra Jaya, Taklimat disampaikan oleh Pegawai Dakwah Ustaz Haji Bahruddin Mansur mengenai peranan dakwah HIKMAH di Negeri Sarawak.



AKHLAK MULIA

Berikut adalah beberapa hadis Rasulullah S.A.W. berkenaan akhlak dan peribadi mulia sebagai pedoman dan pegangan remaja mengharungi kehidupan.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang maksudnya : *"Tidak ada timbangan yang lebih berat bagi seorang hamba Mukmin pada hari kiamat, daripada akhlak yang mulia. Dan sesungguhnya Allah S.W.T. murka pada orang yang keji dan hina"*. (HR Imam Abu Daud dan Tirmizi)

Sabdanya yang bermaksud : *"Orang-orang yang terbaik antara kamu ialah orang-orang yang paling lanjut usianya antara kamu dan yang paling baik antara kamu daripada segi akhlaknya"*. (HR Ahmad al-Bazzar dan Ibnu Hibban).

Sabda Rasulullah S.A.W. yang matihumnya : *"Orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya"*. (HR Imam Ahmad)

Akhlik yang mulia adalah perkara yang bernilai tinggi dalam agama dan mempunyai kaitan yang rapat dengan keimanan seseorang. Iman seseorang tidak ada nilainya apabila tidak disertakan dengan akhlak yang mulia. Ia perlu ditanamkan dalam diri dan diamalkan dalam kehidupan supaya amal ibadat yang dilakukan seperti solat, zakat, puasa dan lain-lain diterima oleh Allah S.W.T. Wallahu A'lam.



LAWATAN MUHIBBAH SAUDARA BARU NEGERI PERLIS



Bersempena dengan majlis sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perlis 1432H/2011M Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis dengan kerjasama Baitulmal Negeri Perlis telah mengadakan Program Muhibbah Saudara Baru Perlis dengan saudara kita Sarawak pada 24 – 29 Januari lepas.

Seramai 45 orang Saudara Baru termasuk Urusetia Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis turut serta dalam lawatan Muhibbah itu.

Semasa di Kuching rombongan telah membuat kunjungan muhibbah ke Ibu Pejabat HIKMAH, dan mereka telah diberi taklimat oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif HIKMAH, Encik Alwi bin Haji Morshidi dan Pegawai Dakwah, Haji Bahruddin Mansur mengenai aktiviti dakwah HIKMAH.

Pada hari berikutnya, rombongan telah dibawa melawat Perkampungan Baru Islam di Kampung Rayang, Pedawan, diikuti lawatan ke Semalatong, Simunjan.

Berbagai aktiviti turut diadakan di kedua penempatan tersebut. Antaranya Ziarah, gotong-royong dan bertukar-tukar pandangan dengan penduduk Kampung.

Menurut ketua rombongan Ustaz Haji Malik Hosen lawatan ini sebagai satu pendekatan dakwah untuk memperkuatkan pegangan agama Islam di kalangan saudara baru Perlis dan Sarawak di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara sesama saudara kita.

Turut serta dalam rombongan YB Tuan Jafperi bin Osman, AMMK Agama Islam Negeri Perlis.

FORUM MAULID DI SEBUYAU

Unit kemasyarakatan HIKMAH telah mengadakan forum bertajuk "Baca Sirah Petik Ibrah" sempena sambutan Maulidur Rasul 1432H yang diadakan di Masjid Sebuyau Seramai 76 orang penduduk kampung hadir di majlis tersebut.

Ahli panel terdiri dari Ustaz Sarbini Dahlan dan Ustaz Tamri Arrim dari HIKMAH dan Encik Wan Adenan dari UiTM Samarahan.

KURSUS AL - QURAN KAEDEAH IQRA'

KUCHING:- Seramai lebih kurang 27 orang peserta telah mengikuti kursus cara cepat mengajar Al-Quran kaedah Iqra' yang diadakan di Pusat Latihan Bisnuri.

Kursus yang berlangsung selama 2 hari itu telah dikendalikan oleh Ustaz Sehan bin Idrus dengan pelaksanaan program tertumpu antaranya kepada panduan makhriful huruf, sistem cara cepat mengajar Al-Quran Kaedah Iqra'.

KURSUS KEIBUBAPAAN

KUCHING:- Seramai 70 orang ibubapa menghadiri Kursus Keibubapaan anjuran HELWA HIKMAH yang telah diadakan di Masjid Kampung Senari, dekat Kuching.

Penceramah jemputan khas Encik Zulkifli bin Ismail dari Jabatan Ketua Menteri telah mengupas tajuk "Realiti Dunia Sekarang Dalam Konteks Kekeluargaan" dan Tabiat Keibubapaan Yang Baik".

Majlis penangguhan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Abang Abdul Rauf bin Abang Haji Zen, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian, Sarawak. Turut hadir, Prof. Madya Dr. Hajjah Fatimah binti Bujang, Pengurus HELWA HIKMAH, ketua kaum, Encik Ali bin Haji Amit dan Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Senari.

SMART SOLAT : BENGKEL IMAM & BILAL 2011

Kuching : Bahagian Dakwah HIKMAH telah mengadakan program **BENGKEL SMART SOLAT IMAM & BILAL 2011** khusus untuk bakal imam dan bilal di Kampung Tembirat, Asajaya, Samarahan. Program tersebut berlangsung selama dua hari iaitu bermula pada 29 Januari 2011 hingga 30 Januari 2011, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama SMK Asajaya No.2. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kefardhuhan solat, khusus untuk bilal dan imam selain untuk meningkatkan penghayatan penduduk kampung mengenai solat. Objektif lain program ini adalah untuk mendekatkan dakwah HIKMAH kepada masyarakat. **BENGKEL SMART SOLAT IMAM & BILAL** mensasarkan kampung-kampung yang berhampiran serta wakil pelajar dari peringkat sekolah menengah.

CERAMAH MAULIDUR RASUL KAMPUNG IBOI

Kuching:- Seramai 100 orang kaum muslimin dan muslimat telah menghadiri ceramah Maulidur Rasul yang telah diadakan di Masjid Bugis di Kampung Iboi pada 15 Februari 2011.

Pegawai Dakwah HIKMAH, Ustaz Sarbini Bin Dahlan dalam ceramahnya telah mengingatkan para hadirin pentingnya umat Islam menghayati sirah Rasulullah S.A.W. dalam kehidupan dan beramal sebagaimana contoh yang telah disarankan oleh baginda.

PUSAT BIMBINGAN REMAJA HIKMAH

Remaja adalah kumpulan yang bakal mencorakkan masa depan Negara. Mereka merupakan harta semulajadi dan khazanah Negara yang paling istimewa. Di samping itu mereka juga bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan.

Oleh itu, Jawatankuasa HELWA telah mengambil tindakan dan langkah ke hadapan dengan mengadakan lawatan sambil belajar di tiga buah pusat perlindungan remaja untuk memperlihat langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak berwajib bagi membendung gejala yang tidak sihat berlaku di kalangan remaja.

Pada 13 hingga 16 Februari 2011, seramai 4 orang ahli jawatankuasa HELWA HIKMAH yang diketuai oleh Puan Aminah Ismail, selaku Pengurus Pusat Bimbingan Remaja HIKMAH telah melawat ke Pusat Perlindungan Darul Fiqh, Pusat Perlindungan Darul Wardah dan Pusat Bimbingan Remaja Puteri RAUDHATUS SAKINAH di Semenanjung. Lawatan tersebut telah membuka mata dan minda HELWA HIKMAH untuk membuka kaunter pusat bimbingan Kaunseling Remaja bagi berkongsi permasalahan yang dihadapi oleh remaja di Sarawak dan sekaligus dapat membasi gejala sosial yang berlaku di Sarawak.

HELWA HIKMAH telah menubuhkan jawatankuasa pelengkap bagi mengaktifkan Pusat Bimbingan Remaja HIKMAH yang akan membuka kaunternya di Pusat Maklumat Islam, Jalan Satok, Kuching

DOA NABI ADAM AS & HAWA

maksudnya:

**“Mereka berdua
merayu:
“Wahai Tuhan
kami! Kami telah
menganiaya diri
kami sendiri, dan
kalau Engkau
tidak
mengampunkan
kami dan
memberi rahmat
kepada kami,
nescaya
menjadilah kami
dari orang-orang
yang rugi”.**

(QS al-A'raf ayat 23)

قَالَا رَبَّنَا ظَاهِنًا أَنفُسَنَا وَإِن لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنْكُونَنَّ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Huraian

Dalam ayat tersebut diperjelaskan bahawa setelah Adam a.s. dan isterinya Hawa dikeluarkan dari syurga, mereka telah menerima ilham dari Allah s.w.t. yang mengajarkan kepada mereka kata-kata untuk bertaubat. Kemudian Adam a.s. dan Hawa bertaubat dan memohon ampunan kepada Allah s.w.t. dengan mengucapkan kata-kata tersebut (sepertimana dinyatakan dalam ayat al-Qur'an Surah al-A'raf 23).

Setelah Adam a.s. dan Hawa berdoa untuk memohon ampunan kepada Allah s.w.t. dengan mengucapkan kata-kata yang diajarkan Allah s.w.t. di dalam firmanNya, maka Allah s.w.t. pun menerima taubatnya dan melimpahkan rahmatNya kepada mereka.

Sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih. Allah s.w.t. sentiasa memberikan kemaafan dan ampunan serta rahmatNya kepada sesiapa sahaja yang mahu bertaubat dari kesalahannya. Dan taubat yang diterima Allah s.w.t. adalah taubat yang memenuhi hal-hal berikut :

1. Menyesali dan meninggalkan secara bersegera kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan
2. Menjauhi dan tidak mengulangi lagi kesalahan-kesalahan dan perbuatan-perbuatan seumpama itu
3. Menyusuli perbuatan dosa yang dilakukannya dengan perbuatan-perbuatan baik.


Hadis Rasulullah s.a.w. yang mafhumnya : "Iringilah perbuatan jahat itu dengan perbuatan baik, nescaya perbuatan baik itu akan dapat menghapuskan dosanya". (HR at-Tirmizi dari Abi Zar).

Dalam ayat tersebut ada dua macam sifat-sifat Allah s.w.t. disebutkan sekaligus, iaitu: "Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih". Hal ini merupakan isyarat tentang jaminanNya kepada setiap orang yang mahu bertaubat mengikut cara-cara yang ditentukan di atas, bahawa Allah sw.t. akan melimpahkan kepadanya kebaikan, kemaafan dan keampunanNya.

Kesimpulan

Apabila manusia terlanjur melakukan suatu kesalahan, kemudian ia bersegera untuk bertaubat kepada Allah s.w.t. mengikut cara-cara yang ditentukan di atas, maka Allah s.w.t. akan menerima taubatnya.

Wallahu A'lam.

**SILANG
KATA**
**Dari kiri ke kanan :**

1. Maha Pengasih
3. Ceramah
4. Pertubuhan NGO Islam Di Sarawak / Ilmu Di Dalam Ilmu
7. Sebaik-baik Manusia
9. Undang-undang
12. Kristian
13. Penyembahan Api

Dari atas ke bawah :

2. Surah Al - Quran ke - 114
5. Pembeza antara Haq & Batil
6. Permulaan perjalanan Rasulullah dalam peristiwa Isra' Mikraj
8. Berdasarkan apa kita berhujjah
10. Membersihkan Qubul & Dubur
11. Salah satu nama agama di Dunia

BENGKEL KELUARGA BAHAGIA



Seramai lebih 76 orang keluarga mengikuti Bengkel Keluarga Bahagia yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kampung Nanga Kelassin Sri Aman pada 6.3.2011.

Pada majlis itu Pengurus Hal Ehwal Wanita HIKMAH (HELWA) Prof. Madya Dr. Fatimah Bujang turut menyampaikan ceramahnya bertajuk Rumahku Syurgaku.

Turut menyampaikan ceramah Keluarga Sakinah ialah Pegawai HIKMAH Sri Aman dan Ustaz Khufadli.

Kursus Bahasa Inggeris Guru Tadika HIKMAH

KUCHING:- Seramai 30 orang guru-guru dari Tadika HIKMAH telah mengikuti kursus dan bengkel bahasa Inggeris peringkat kedua 2011 yang diadakan di bilik kuliah Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya pada 19 – 20 Mac lepas.

Kursus anjuran Ibu Pejabat HIKMAH bertujuan untuk membantu guru-guru tadika memperbaiki mutu pengajaran bahasa tersebut manakala murid dapat menguasai bahasa itu dengan baik.

Adalah tanggungjawab para guru untuk mengubah sikap murid ke arah positif dengan gaya yang lebih menarik terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Penyesuaian murid dengan guru dan bahan pengajaran adalah berdasarkan daya kognitif dalam subjek itu.



Seminar Kepimpinan Ummah

Kuching: HIKMAH dengan kerjasama JAKIM telah mengadakan seminar sehari bersama pemimpin masyarakat yang bertemakan "Dakwah dan Kepimpinan Ummah" yang bertempat di Auditorium Pustaka Negeri, Petra Jaya Kuching pada 3hb Mac 2011 baru-baru ini.

Ceramah bertajuk "Peranan Belia Dalam Transformasi Kepimpinan" telah disampaikan oleh Dr. Shafiee Lugong Pengetua SMK Padungan, Kuching.

Dalam ceramahnya Dr. Shafiee berkata transformasi kepimpinan menukar atau mengubah rupa atau bentuk, perubahan merupakan penjelmaan, penukaran pemimpin dimaksudkan sebagai sifat yang ada pada diri pemimpin, ia dikaitkan kepada caranya memimpin, memberi arahan serta menerima pandangan, cara-cara gaya ini memberi maksud serta melambang keperibadian seseorang pemimpin.

Pemimpin dan kepimpinan tidak dapat dipisahkan kerana ikatan yang melambangkan corak keperibadian seseorang. Namun kuasa yang ada hanya tertakluk kepada kumpulan yang tertentu sahaja.

Dari sudut pandangan agama setiap orang di atas muka bumi ini adalah pemimpin, paling kurangnya memimpin diri sendiri, tegasnya. Pada majlis tersebut turut diadakan forum bertajuk "Pemimpin Cemerlang, Umat Gemilang", ahli panel terdiri dari Dr. Shafiee Lugong, Jabatan Pendidikan, Ustaz Ibrahim Hailie JAKIM dan dipengerusikan oleh Ustaz Sarbini Bin Dahlan dari HIKMAH.

Sementara itu ceramah yang bertajuk "Tangan Yang Menghayun Mampu Mengubah Haluan" yang disampaikan oleh Dr. Rabiah Kulup Hamzah. Seramai lebih 100 orang peserta terdiri dari pemimpin belia dan wanita menghadiri majlis tersebut.

Majlis penutupan rasmi telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, Setiausaha Agung HIKMAH, beliau turut menyampaikan sijil kepada peserta.

Forum Malaysia 1 Ummah



SRI AMAN :-

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri merasmikan Majlis Forum "1 Malaysia 1 Ummah" bersempena sambutan Maulidur Rasul 1432H bertempat di Masjid Rahmaniah, Kampung Seberang Pusa, Bahagian Betong pada 15 Mac 2011.

Berucap dalam majlis tersebut, beliau mengingatkan umat Islam agar bersatu padu kerana dengan perpaduan sajalah umat Islam akan teguh dan berjaya dalam kesatuan kerana mengeratkan tali persaudaraan sesama Islam amat dituntut, tegas beliau. Menurut beliau perpecahan sama ada oleh perbezaan ideologi, aliran pemikiran atau yang seumpamanya tidak patut berlaku di kalangan umat Islam yang sama pegangan akidahnya. Ahli panel terdiri dari Sahibus Samahah Ustaz Haji Kipli Yasin, Mufti Negeri Sarawak, Haji Bahruddin Mansur, Pegawai Dakwah HIKMAH, dan forum dipengerusikan oleh Ustaz Sarbini bin Dahlan, Pegawai Dakwah HIKMAH. Turut hadir di majlis tersebut ialah Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Setiausaha Agung Kehormat HIKMAH dan pegawai-pegawai kerajaan, HIKMAH dan Lembaga Kebajikan Masjid Negeri. Seramai lebih 1,000 orang muslimin dan muslimah sekitar Pusa menghadiri forum yang dianjurkan oleh HIKMAH dengan kerjasama JAKIM Cawangan Sarawak.